

## RANCANGAN MASA HADAPAN

Pengurusan pada zahirnya mempunyai perancangan yang besar dalam memastikan kewujudan Syarikat terus relevan untuk komuniti usahawan di Sabah sambil menjana pendapatan yang mampu menampung operasi Syarikat bagi jangka masa panjang.

Selain meneruskan fungsi asas iaitu menyediakan ruang-ruang niaga di bandar-bandar utama dan kawasan luar bandar kepada Bumiputera di serata pelusuk Sabah bagi Rancangan Malaysia yang terkini dan seterusnya, Syarikat mempunyai perancangan untuk meluaskan skop penjanaan pendapatan dengan menceburi bidang perniagaan lain melalui anak syarikat, Tetap Perkasa Sdn Bhd. Antara yang menjadi tumpuan adalah dalam sektor bahan binaan dan francais.

Pada masa yang sama, Syarikat akan mengenalpasti daerah dan membangunkan ruang-ruang perniagaan komersial untuk dijual atau disewakan kepada usahawan-usahawan Bumiputera berdasarkan skim sosio ekonomi yang sedang dilaksanakan pada masa ini. Syarikat juga sedang mengkaji langkah menceburi pembangunan lot-lot perindustrian dengan memaksimumkan penggunaan tanah sedia ada dengan menawarkan skim pinjaman mudah kepada usahawan-usahawan Bumiputera selain menceburi bidang-bidang baru seperti skim perumahan mampu-milik di tanah-tanah milik Bumiputera melalui pembangunan secara usahasama.



Sejajar dengan Halatuju Kerajaan Negeri, Koridor Pembangunan Sabah dan transformasi luar bandar, syarikat akan menumpukan perhatian untuk meneroka sepenuhnya jajaran baru jalanraya di serata tempat bagi membuka peluang-peluang baru kepada Bumiputera Negeri Sabah.

Bagi memastikan kesemua lot kedai yang dibangunkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya, Syarikat telah mengambil inisiatif untuk "menghidupkan" premis-premis perniagaan yang tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebelum ini atas sebab-sebab tertentu seperti rumah kedai



Tungku (Lahad Datu), Kawang (Papar) dan Mempakul (Menumbok).

Dengan anggota pekerja dan pengurusan yang terlatih, struktur pentadbiran yang berlandaskan kualiti dan prestasi serta sokongan kuat daripada Jemaah Lembaga

**Rumah Kedai Sosio-Ekonomi di Mempakul, Menumbok yang kurang mendapat sambutan atas masalah teknikal seperti bekalan air bakal ditransformasikan dengan kerjasama usahawan Bumiputera tempatan dalam masa yang terdekat.**

Pengarah, pihak SEDCO dan Kementerian serta agensi-agensi yang terbabit, syarikat akan terus bergerak dengan lebih yakin lagi dalam melaksanakan program-program pembangunan berasaskan amanah dan tanggungjawab yang diberikan serta berusaha lebih giat untuk merealisasikan objektif-objektif sebagaimana yang ditetapkan.